

TEKS UCAPAN  
YBHG BRIG.JEN.PROF DATUK SERI PANGLIMA DR.KAMARUZAMAN HJ.AMPON

NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
PADA MALAM KEMUNCAK SAMBUTAN KEMERDEKAAN NASIONAL 2010  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Terima kasih kepada pengacara majlis,  
Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, dan Salam 1UMS

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-pegawai Kanan UMS

Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang berusaha En. Khairuddin Ahmad  
Penyelaras Sambutan Kemerdekaan Nasional 2010 Universiti Malaysia Sabah

Yang saya kasihi Saudara Dulmani Abd Nasir  
Exco Perpaduan Nasional Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2009/2010 Universiti Malaysia Sabah

Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2009/2010

Barisan kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej-Kolej  
Kediaman Sesi 2009/2010

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita sama-sama berkumpul pada malam ini sempena Malam Kemuncak Pesta Kemerdekaan Nasional Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2010.

Sesungguhnya, saya sangat gembira melihat kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sentiasa prihatin dalam memartabatkan kemerdekaan negara kita yang kini berusia 53 tahun. Sememangnya kita sebagai rakyat di negara ini sangat bertuah kerana terus dikurniakan suasana kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera.

Para hadirin sekalian,

Pada hari esok, bersamaan 31 Ogos 2010, genaplah negara kita menyambut kemerdekaan untuk kali ke 53. Namun, saya percaya, dalam usia kemerdekaan yang baru melebihi setengah dekad, masih terdapat sebilangan masyarakat khususnya golongan generasi muda yang kurang arif mengenai peranan dan erti sebenar kemerdekaan yang telah dikecapi ini. Pada zaman kini, erti kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan secara fizikal semata-mata. Malah kita seharusnya sentiasa peka dan menghindari penjajahan yang lebih merbahaya iaitu penjajahan mental melalui pengaruh-pengaruh budaya dan amalan negatif yang berasal dari barat. Jika dibiarkan, tentu negara kita akan dijajah sekali lagi meskipun bukan secara fizikal tetapi impaknya dilihat agak setaraf dan mungkin lebih parah. Saya sememangnya tidak mahu perkara itu berlaku khususnya di kalangan mahasiswa-mahasiswi UMS. Biarlah kita terus menanam semangat kemerdekaan melalui cara pemikiran minda kelas pertama sekaligus mempertahankan kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh para pemimpin negara yang terdahulu.

Kita sebagai rakyat Malaysia, seharusnya merasa bangga dengan amalan budaya budi perkerti yang tinggi yang telah berjaya menyatupadukan seluruh rakyat yang berbilang kaum sekaligus mengekalkan kedaulatan negara Malaysia yang kita cintai. Kedaulatan yang kita nikmati ini-lah yang telah membolehkan negara kita membangun dengan pesatnya. Pelbagai infrastruktur dan kemudahan awam yang baik disediakan untuk keselesaan rakyat jelata. Lebih-lebih lagi kebijaksanaan para pemimpin dalam menyatupadukan rakyat sehingga akhirnya masyarakat di seluruh negara hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tahukah anda bahawa sebelum merdeka, tahap pendidikan penduduk Malaysia berada dalam keadaan daif dan sangat ketinggalan jauh? Tidak kelihatan bangunan sekolah-sekolah yang cantik dan bersih seperti sekarang. Kebanyakannya dibuat daripada kayu papan dan kelihatan usang. Matapelajaran yang diajar pula sekadar untuk membolehkan rakyat tahu membaca. Tiada buku rujukan disediakan dan kebanyakan ilmu yang dituntut adalah bergantung kepada pengetahuan guru yang mengajar. Masyarakat kita kebanyakannya tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Ini kerana kedaifan hidup menjadikan mereka tidak berkemampuan untuk menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Setelah lebih 50 tahun merdeka, keadaan ini sudah jauh berbeza. sekolah-sekolah dibina di seluruh pelusuk negara dalam keadaan tersergam cantik serta mempunyai pelbagai kemudahan seperti perpustakaan, asrama dan bilik komputer. Malah pendidikan telah menjadi sesuatu yang wajib kepada ibu bapa. Bantuan buku teks diberi kepada yang memerlukannya. Guru-guru yang mendidik mempunyai pengetahuan yang luas dan kurikulumnya diperkemas bukan sekadar untuk membolehkan rakyat membaca tetapi menjadi modal insan yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Kita amat bersyukur kerana hari ini juga sebanyak 20 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah ditubuhkan disamping banyak lagi Institusi Kemahiran Tinggi seperti Politeknik, Kolej Komuniti dan ratusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta beroperasi. Kesemuanya ini telah membolehkan rakyat Malaysia melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi berbanding ketika di zaman penjajah. Sebilangan pelajar juga ditaja oleh kerajaan untuk meneruskan pengajian di luar negara seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Korea dan banyak lagi. Ini semua adalah nikmat kemerdekaan yang kita kecapai hasil perjuangan generasi terdahulu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sesungguhnya, kita adakan program Sambutan Kemerdekaan Nasional 2010 ini supaya rakyat terutamanya warga UMS akan lebih memahami, menghayati erti kemerdekaan serta mendalami maksud tema kemerdekaan pada kali ke-53 ini iaitu "1 Malaysia Menjana Transformasi". Apabila kita sebut 1 Malaysia, kita dapat menggambarkan bahawa di bawah payung dan naungan gagasan 1 Malaysia, kita dapat memupuk satu semangat baru di kalangan rakyat Malaysia. Semangat ini adalah berdasarkan kepada satu sikap yang amat penting yang mendasari konsep 1 Malaysia ini, yakni konsep ataupun sikap penerimaan. Jika kita mempunyai sikap penerimaan atau *acceptance*, bererti kita menerima kepelbagaian dalam masyarakat kita sebagai satu kekuatan dan bukan sebagai satu hambatan. Kita dapat menerima dengan sepenuh hati bahawa kepelbagaian ini boleh diterjemahkan sebagai satu punca kekuatan yang boleh terus menjayakan negara kita amnya dan UMS khususnya.

Malah di UMS sendiri, kemajmukan yang ada di universiti ini boleh kita lihat sebagai satu keunikan yang boleh diterjemahkan sebagai kekuatan kita. Sebagai antara penggerak kepada pendidikan tinggi negara, saya melihat program yang akan dijalankan sepanjang pesta ini sangat relevan dengan tema kemerdekaan pada kali ini. Justeru, sekali lagi saya ingin menyeru kepada siswa-siwi sekalian. Marilah kita bersama-sama berjuang untuk terus mengekalkan kemerdekaan yang kita nikmati

sekarang ini. Manfaatkanlah segala pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh sepanjang program ini berlangsung.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan Malam Kemuncak Sambutan Kemerdekaan Nasional 2010. Saya difahamkan mereka telah membuat persiapan dan persediaan yang begitu rapi sejak beberapa minggu yang lepas. Mari kita berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka. Sesungguhnya, kerjasama baik yang telah ditunjukkan ini juga boleh diterjemahkan dalam program-program akan datang, lebih-lebih lagi dalam memberi kekuatan untuk meneruskan perjuangan mempertahankan kemerdekaan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Sehubungan itu, saya dengan lafaz Bismillahhi Rahmannir Rahim, merasmikan Malam Kemuncak Sambutan Kemerdekaan Nasional 2010 Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, terima kasih.